

Kemampuan MSC nafikan keraguan pengkritik projek

UM 30 JUL 2003
Oleh
MARHAINI KAMARUDDIN

CYBERJAYA 29 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kemampuan Koridor Raya Multimedia (MSC) terus menarik pelaburan syarikat bertaraf dunia menafikan keraguan para pengkritik terhadap projek tersebut.

Tegas beliau, kerajaan tidak pernah gusar dengan kelompok seperti itu yang juga sebelum ini pernah meragui kejayaan projek kereta nasional.

"Kita sudah biasa dengan mereka yang sering mengatakan apa yang kita buat adalah salah kerana telah terbukti akhirnya mereka terpaksa menelan balik kata-kata itu," katanya.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika berucap merasmikan HSBC Electronic Data Processing (M) Sdn. Bhd., pusat perkhidmatan kumpulan (GSC) HSBC pertama di Asia Tenggara dan yang terbesar di kalangan enam pusat seumpama itu.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan HSBC, Alan Jebson turut hadir. GSC HSBC yang lain terletak di Hyderabad dan Bangalore di India, selain di Shanghai dan Guangzhou, China.

Dr. Mahathir percaya falsafah mesra pemiagaan yang diamalkan oleh kerajaan telah berjaya menarik pelaburan syarikat-syarikat bertaraf dunia ke Malaysia.

"Kita sebenarnya telah berjaya menarik pelaburan asing lebih awal sebelum perkataan FDI (pelaburan terus asing) menjadi frasa popular," katanya.

Tambah beliau, ia bermula dengan industri elektronik pada 1970-an sehingga kini bertukar kepada teknologi maklumat (IT).

Bagi Perdana Menteri, keputusan syarikat-syarikat utama seperti HSBC menjalankan operasi di Cyberjaya adalah tepat kerana sebagai bandar pintar selain Putrajaya, ia dibina khusus untuk memenuhi keperluan perniagaan bertaraf dunia.

Terdahulu ketika berucap merasmikan Pusat Serantau Ericsson (Ericsson @MSC), Perdana Menteri berkata, sejumlah 800 syarikat berstatus MSC kini melebihi sasaran 500 syarikat yang ditetapkan kerajaan sehingga tahun ini.

"Kalau ini bukan kejayaan, saya tak tahu apa yang boleh dianggap kejayaan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif HSBC Bank Malaysia Berhad, Zarir J. Cama bangga dengan keputusan syarikatnya membuka GSC di Malaysia yang merupakan pengiktirafan selepas beroperasi hampir 120 tahun di negara ini.

"Antara yang mendorong keputusan itu ialah infrastruktur canggih, keupayaan tenaga kerja mahir dan insentif cukai yang diberikan kepada syarikat berstatus MSC," katanya.

Beliau berkata, GSC itu akan memproses semua transaksi yang dihantar ke sini dari pejabat kumpulan HSBC di Amerika

Syarikat, Amiriah Arab Bersatu (UAE), Singapura, Hong Kong, Australia dan New Zealand.

Menurut Cama, bangunan baru GSC HSBC seluas 200,000 kaki persegi yang terletak bersebelahan pusat sementara dijual siap Januari depan.

"Kita kini mempunyai lebih 200 kakitangan dan menjangkakan akan meningkatkannya kepada 550 orang menjelang akhir tahun ini.

"Kita akan memerlukan kira-kira 100 pakar dan penyelia serta mereka yang mempunyai kemahiran dalam telekomunikasi dan IT," katanya.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan HSBC, Alan Jebson pula memberitahu syarikatnya mcncitakan pelaburan sebanyak RM80 juta untuk tempoh tiga tahun bagi menggerakkan operasi GSC Malaysia.

Selaras dengan itu juga, kata beliau, pihaknya akan meningkatkan jumlah kakitangan daripada 200 orang kepada 550 orang menjelang akhir tahun ini.